



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

19 Disember 2025 / 28 Jamadilakhir 1447H

Tujuan dan Keutamaan Dalam Kehidupan

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمْرَنَا بِالْتَّقْوَىٰ وَالْخُلُقِ
الْكَرِيمِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ اَلْهٰءِ وَصَاحِبِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Bertakwalah kepada Allah s.w.t. dengan sebenar-benar takwa. Takwa dalam melaksanakan perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya. Takwa dalam menyusun niat, membuat pilihan dan mengatur arah kehidupan. Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kita hati yang tenang dan langkah yang teguh atas landasan iman. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Izinkan saya memulakan khutbah pada hari ini dengan beberapa persoalan untuk direnungkan: Apakah **keutamaan** kita dalam

kehidupan ini? Kita hidup bertungkus lumus mencari rezeki dan pendidikan, menjaga keluarga, mengejar kebahagiaan, sebelum kita berangkat kembali kepada Tuhan. Adakah itu sahaja **makna** dan **erti** dalam kehidupan seorang insan?

Hakikatnya, ramai di kalangan kita menjalani kehidupan yang sangat sibuk. Namun, kemungkinan kita kurang jelas dengan arah dan **tujuan** hidup kita. Kita bergegas dari satu tanggungjawab ke satu tanggungjawab, namun jarang sekali kita berhenti untuk menilai: ke manakah arah semua usaha ini?

Sedangkan Allah s.w.t. telah mengingatkan kita bahawa manusia tidak diciptakan sia-sia. Firman-Nya dalam Surah Al-Mukminun, ayat 115:

أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ

Yang bermaksud: “Apakah kamu menyangka bahawa Kami menciptakan kamu dengan sia-sia, dan bahawa kamu tidak akan dikembalikan kepada Kami?”

Ayat ini menjelaskan bahawa setiap pekerjaan dan perbuatan seorang Muslim seharusnya tidak kosong daripada **makna**. Ia menegaskan bahawa setiap kehidupan insan mempunyai **tujuan** dan setiap tindakan membawa pertanggungjawaban.

Pada zaman ini, amat mudah untuk kita terperangkap dalam kesibukan. Kita bertindak mengikut tuntutan, menyelesaikan

tugas demi tugas seakan-akan tidak ada kesudahannya. Tanpa kita sedari, hidup kita lebih banyak ditentukan oleh desakan (*demands*), bukan oleh **tujuan** (*purpose*).

Apabila desakan menjadi penentu, **keutamaan** menjadi kabur. Yang lebih penting menjadi tertunda. Yang lebih **bermakna** menjadi sampingan. Sehingga kita terlupa apakah yang patut menjadi **tujuan** dan **keutamaan** dalam kehidupan.

Saudara yang dikasihi Allah,

Seorang Muslim yang peka adalah insan yang jelas dengan **tujuan** kehidupannya. Dia tidak membiarkan tekanan, kesibukan dan kebiasaan harian menentukan arah hidupnya. Sebaliknya, dengan mengenal pasti **keutamaan** serta **tujuan** dalam setiap pekerjaan, dia menyelaraskan keseluruhan hidupnya agar sentiasa bergerak ke arah keredaan Allah s.w.t.

Di sini, mimbar membentangkan 3 perkara berkaitan **tujuan** (*purpose*) dan **keutamaan** (*priorities*) dalam kehidupan:

Pertama: Hidup dengan tujuan memperkasa mutu insan

Mukmin yang mempunyai **tujuan** hidup yang jelas akan lebih berhati-hati dalam setiap perlakunya. Dia bersifat amanah dalam bekerja, bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu dan berakhlak mulia dalam hidup bermasyarakat. Dia sedar bahawa setiap peranan dan tindakannya adalah amanah daripada Allah s.w.t.

Tujuan yang jelas akan membentuk disiplin dalaman diri seseorang. Ia menjadi kompas yang membimbing tindakan, sama ada ketika senang maupun apabila dihimpit tekanan.

Tujuan yang jelas memberi kesan yang baik terhadap mutu keperibadian, kerja serta ibadah kita. Tugas dan pekerjaan tidak lagi dilakukan secara sambil lewa dan ibadah tidak dilakukan secara tergesa-gesa. Setiap tindakan diukur bukan hanya dengan hasil duniawi, tetapi dengan sejauh mana nilainya di sisi Allah s.w.t.

Kedua: Mengimbangi dunia dan akhirat, bukan memisahkan keduanya

Sebagai Muslim, kita harus berwaspada daripada membiarkan dunia menguasai hati kita. Namun, agama juga tidak menyuruh kita mengabaikan urusan dunia sama sekali. Sebaliknya, dunia dilihat sebagai wasilah, bukan matlamat yang terakhir.

Ingatlah, apabila dunia dijadikan **tujuan**, ia mungkin akan mengecewakan. Tetapi apabila ia dijadikan wasilah, dunia menjadi ladang pahala dan sumber keberkatan.

Sebagai contoh: Kita menuntut ilmu untuk membina masa depan. Kita bekerja untuk menyara keluarga. Kita merancang kehidupan agar lebih selesa. Semuanya ini boleh **ditujukan** sebagai sebahagian daripada ibadah. Semuanya ini kita lakukan dengan **tujuan** agar ia membawa kita lebih dekat kepada Allah, bukan menjauhkan kita daripada-Nya.

Hayati ikrar yang kita sebutkan setiap hari dalam solat kita:

إِنَّ صَلَاةَ وُسْكِيٍّ وَمُحْيَايٍ وَمَمَاتِيٍّ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Yang bermaksud: “Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan sekalian alam.”

Dengan ikrar dan kesedaran ini, ia seharusnya mendorong kita untuk **mensyukuri** nikmat seperti harta, kesihatan dan kemampuan yang kita miliki. Uruskanlah ia dengan penuh hemah, amanah dan bijaksana.

Ketiga: Mengenal pasti keutamaan dan mensyukuri nikmat

Setiap **keutamaan** yang dikenal pasti dalam kehidupan, seperti pengamalan agama, kesejahteraan keluarga, kemurahan rezeki dan keselesaan hidup, tidak berdiri dengan sendiri. Ia bergantung pada faktor-faktor lain, seperti suasana kehidupan yang stabil, hubungan insan yang saling menghormati dan persekitaran yang membolehkan kita hidup, bekerja dan beribadah dengan tenang.

Kita mungkin menganggap kesejahteraan ini sebagai sesuatu yang biasa, kerana ia telah kita nikmati sejak sekian lama. Namun, usahlah kita memandang enteng **keutamaan** menjaga kesejahteraan ini. Kerana, apabila ia terganggu atau hilang daripada kita, barulah kita sedar betapa besar anugerah yang kita nikmati selama ini.

Oleh itu, **mensyukuri** nikmat bukanlah sekadar dengan ucapan pada lidah semata-mata, tetapi dengan sikap dan tindakan kita setiap masa.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Penghujung tahun ini adalah ruang untuk kita menyusun semula **keutamaan** dan meluruskan haluan hidup kita. Jangan biarkan tekanan dan kesibukan terus menentukan hala tuju kita. Jadikan iman sebagai petunjuk dan keredaan Allah sebagai **tujuan**.

Semoga setiap peranan yang kita pikul akan lebih mendekatkan diri kita kepada Allah s.w.t. Semoga Allah s.w.t. menerima segala usaha kita dan membimbing langkah kita ke arah kebaikan. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

أُقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الْوَحْيُمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ، وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. الَّلَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عَبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمْرَ، وَاتَّهُوا عَمَّا كَفَرُوكُمْ عَنْهُ وَزَجَرُ.

أَلَا صَلَوَا وَسِلَمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمْرَنَا اللَّهُ بِذِلِكَ حِيثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْغَرِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسِلُّمُوا تَسْلِيْمًا. الَّلَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَأَرْضَ اللَّهَمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرُّشِيدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ سَادِاتِنَا أَيِّ بُكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيِّ، وَعَنْ بِقَيْةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ وَالْتَّابِعَيْنَ، وَتَابِعِي التَّابِعِيْنَ، وَعَنَّا مَعْهُمْ وَفِيهِمْ بَرْ حُمَّتَكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

الَّلَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمَنَاتِ، وَالْمُسِلِّمِيْنَ وَالْمُسِلِّمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. الَّلَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْأَلَازِلَ وَالْمَحْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنْ بَلِدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبَلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ. الَّلَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعِفِيْنَ فِي عَرَّةٍ وَفِي فِلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ. الَّلَّهُمَّ بِدَلْ خَوْفُهُمْ أَمْنًا، وَخُزْنُهُمْ فَرَحًا، وَهَمُّهُمْ فَرَجًا، يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ. الَّلَّهُمَّ اكْتِبْ السَّلَامَ وَالسَّلَامَ وَالْأَمَانَ وَالْأَمَانَ لِلْعَالَمِ كُلِّهِ

وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ. رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.

عَبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعُدْلِ وَالإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يُعَظِّمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَلَاذُكْرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدُوكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَنْدُكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَاذُكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.